

Transformasi Pendidikan Teknik dan Vokasional : Membentuk Pemimpin Masa Depan

lis Christopher Kayan, Rohana Hamzah, Amirmuddin Udin

ABSTRAK

Selaras dengan konsep pendidikan seumur hidup, sistem Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) merupakan salah satu aliran yang diiktiraf atau dikenali sebagai satu sistem yang berperanan untuk membentuk individu yang mempunyai kemahiran teknikal yang tinggi seperti yang diinginkan oleh industri pada masa kini. Perubahan masa dan perkembangan teknologi pada masa ini menuntut perubahan kepada sistem PTV untuk membentuk generasi yang berkebolehan dalam kepimpinan. Kertas kerja ini membincangkan mengenai transformasi Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV), dalam membentuk pemimpin masa depan. Bagi mencapai matlamat tersebut, pelbagai usaha dan pengubahsuaian dalam pelaksanaan sistem PTV untuk mempersiapkan individu yang berkebolehan tinggi dalam bidang kemahiran dan pengetahuan teknikal sekaligus dalam membentuk insan yang mempunyai kredibiliti sebagai seorang pemimpin.

Kata Kunci : Kepimpinan, transformasi

Pengenalan

Pada masa kini, perkembangan teknologi, sosial dan ekonomi berlaku dengan amat pesat sekali. Dalam masa yang sama, manusia mempunyai keinginan untuk mengembangkan kebolehan dan ilmu yang ada pada mereka secara berterusan supaya dapat berfungsi dengan maksimum dalam kehidupan seharian, pekerjaan dan pergaulan dalam masyarakat. Oleh itu, pendidikan dan latihan juga boleh membantu individu untuk memperbaiki kehidupan mereka dengan menyediakan kemahiran dan ilmu untuk meningkatkan produktiviti dalam pekerjaan. Tidak dinafikan lagi bahawa pelaburan dalam pendidikan dan latihan ini merupakan pelaburan untuk masa depan bagi mempersiapkan individu yang serba boleh.

Pendidikan teknik dan vokasional (PTV) merupakan satu sistem pendidikan yang menyediakan latihan khusus untuk kemahiran-kemahiran teknikal dan beberapa kemahiran yang lain. Vokasional membawa maksud usaha sesebuah organisasi itu bagi melahirkan pelajar yang mempunyai pengetahuan, kemahiran asas dan juga mempersiapkan mereka untuk menjadi pekerja mahir pada suatu hari nanti (Laugho&Lillis,1988). Apabila seseorang pekerja itu diiktiraf sebagai pekerja mahir, secara tidak langsung, golongan ini akan dipertanggungjawabkan untuk membentuk dan melahirkan lagi pekerja mahir yang baru.

Fungsi Asas Pendidikan Teknik Dan Vokasional (Ptv)

Perkembangan idea untuk menubuhkan Pendidikan Teknik dan Vokasional,(PTV) di Malaysia telah bermula sejak tahun 1890-an lagi. Pada tahun 1897, satu perundingan telah diadakan tentang tatacara penubuhan sekolah perdagangan untuk melatih orang-orang Melayu terutamanya lelaki untuk berkhidmat sebagai mekanik dan buruh yang bekerja untuk memperbaiki kereta api yang menjadi pengangkutan utama pada masa itu(Francis & Ee, 1975). Pada zaman ini, PTV di lihat sebagai satu aliran pendidikan yang hanya mempersiapkan individu untuk menguasai kemahiran teknikal semata-mata dan kurang menitik beratkan tentang pembentukan sahsiah diri seseorang. Pada dasarnya, individu di latih untuk memperbaiki kereta api yang pada itu menjadi pengangkutan utama, tanpa mempunyai kurikulum yang tetap dan proses pembelajaran seperti yang ada pada masa kini.

Pada tahun 1919, kerajaan telah bersepatat untuk membentuk sebuah jawatan kuasa untuk meninjau keperluan-keperluan bagi PTV dan mencadangkan beberapa perkara untuk mempertingkatkan mutu latihan PTV di negara ini. Diantara cadangan-cadangan tersebut adalah untuk memperluaskan elemen-elemen pengetahuan dalam bidang teknikal.

Berdasarkan penubuhan awal PTV di negara ini, didapati bahawa fungsi utama PTV pada awalnya ialah untuk mempersiapkan individu dengan kemahiran tangan (*hands-on*) berbanding dengan kemahiran-kemahiran lain. Namun, masa beredar dengan cepat, dan banyak perkembangan yang berlaku terutamanya dalam bidang teknologi dan bidang pendidikan sehingga PTV tidak lagi menjadi satu aliran yang hanya memberi latihan kemahiran tangan kepada individu tetapi juga aliran pendidikan yang menerapkan nilai-nilai murni dalam setiap individu. Secara tidak langsung dapat membentuk keyakinan diri untuk menjadi orang yang berguna suatu hari nanti.

Pendidikan Teknik Vokasional dan Kepimpinan

Perlaksanaan kurikulum di sekolah adalah cara utama untuk menerapkan nilai dalam diri setiap pelajar. Untuk menjadi seorang pemimpin, seseorang itu harus mempunyai nilai-nilai yang kuat dalam peribadi mereka sendiri. Menurut Kirkpatrick & Locke,(1991), terdapat enam karakter

ataupun sifat yang membezakan seseorang pemimpin dengan yang bukan pemimpin iaitu hala tuju, motivasi, integriti, percaya diri, kognitif, kemampuan dan pengetahuan tugas. Maka, untuk menjadi pemimpin, mereka harus mempunyai keenam-enam ciri ini bagi membantu mereka untuk menjadi pemimpin yang berjaya dan disegani.

Atan Long(1984), memperkatakan terdapat beberapa unsur yang perlu di pertimbangkan dalam pembentukan sesebuah kurikulum dan antaranya ialah dari segi kemesyarakatan yang berasaskan pembentukan kemahiran sosial bagi membolehkan pelajar untuk berkomunikasi secara positif. Selain daripada itu, Atan juga menekankan aspek vokasional dalam pembentukan kurikulum yang berasaskan penguasaan kemahiran bekerja yang bersesuaian dengan kehendak tenaga rakyat untuk pembangunan negara. Daripada kedua-dua aspek ini, sangat jelas terlihat bahawa kurikulum di sekolah merupakan satu usaha untuk membentuk pemimpin dikalangan generasi-generasi muda seterusnya memacu kepada pembangunan negara melalui kemahiran yang di kuasai.

Pada awalnya pembentukan sistem Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV), mempunyai kecenderungan dalam kemahiran dan pengetahuan teknikal sahaja. Tetapi pada masa kini, PTV bukan sahaja menekan mengenai kemahiran dan pengetahuan teknikal, tetapi juga dalam melahirkan insan yang mempunyai sahsiah diri dan juga melahirkan pemimpin pada masa hadapan dalam pelbagai bidang. Kepimpinan itu bukan hanya di karuniakan kepada orang-orang tertentu sahaja, tetapi kepimpinan itu dimiliki oleh semua orang. Ciri-ciri kepimpinan dalam seseorang itu boleh dibentuk sekiranya seseorang itu mahu menjadi seorang pemimpin.

"Leadership development is everyone's responsibility,"

-John Baldoni-

John berkata bahawa langkah pertama dalam pembentukan seseorang pemimpin itu ialah dengan memupuk rasa tanggungjawab terhadap tugas yang diberikan di persekitaran pekerjaan dan beliau percaya bahawa setiap manusia mempunyai kekuatan untuk melakukan tanggungjawab peribadi masing-masing. Menurut beliau lagi corak kepimpinan dapat memberi dorongan kepada pengikut. John juga menegaskan bahawa kepimpinan adalah cara kita mempersiapkan diri dan organisasi untuk masa depan.

Dalam sistem pendidikan, PTV mempunyai perbezaan daripada sistem pendidikan umum kerana PTV lebih menekankan aspek kemahiran teknikal dan juga pengetahuan teknikal. Dari segi kurikulum, terdapat sedikit perbezaan daripada sekolah biasa kerana ada beberapa subjek yang tidak ditawarkan di sekolah biasa tetapi di tawarkan di sekolah teknik dan vokasional. Namun begitu, matapelajaran teras dan wajib seperti pendidikan moral dan pendidikan sivik tetap di ajarkan di sekolah-sekolah teknik dan vokasional.

United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO) dan *International Labor Organisation (ILO)*, merupakan dua daripada beberapa badan antarabangsa yang bertanggungjawab tentang perihal PTV di seluruh rantau ini. Pada tahun 2002, kedua-dua badan ini telah mencadangkan bahawa, dalam hal keperluan dan aspirasi individu PTV harus menjalankan fungsi dalam membina keperibadian dan karakter, membina kerohanian dan nilai-nilai kemanusiaan, kebolehan dalam memahami sesuatu yang berlaku dan mengajar individu untuk mampu berfikir secara kritis serta mampu menghargai diri sendiri.

Selain daripada itu, PTV haruslah membantu membangunkan kapasiti individu untuk membuat keputusan dan terlibat secara aktif, memupuk semangat kerja berpasukan dan kepimpinan di tempat kerja dan secara amnya di dalam masyarakat. UNESCO mencadangkan penerapan nilai-nilai di atas setelah mengkaji dan membuat semakan semula terhadap pelaksanaan PTV yang dicadangkan pada tahun 2002. Ini dikukuhkan lagi dengan ucapan bekas Setiausaha Agung PBB, Kofi Annan, dalam satu buku terbitan UNESCO yang memberi peringatan bahawa pendidikan adalah kunci untuk melepaskan kita dari kesengsaraan hidup dan untuk membentuk masa depan yang diinginkan.

Bennis dan Nanus(1985), dalam satu laporan mengenai kepimpinan dalam PTV menyatakan bahawa perbezaan antara mengurus dan memimpin adalah dari segi fungsinya.

“To manage means to bring about, to accomplish, to have charge of or responsibility for, to conduct...Leading is influencing, guiding direction, course, action, opinion...Managers are people who do things right and leaders are people who do the right thing.”

(Bennis & Nanus 1985)

Melalu petikan ini, ianya selari dengan konsep PTV yang mampu melahirkan individu yang berkemahiran tinggi dan kompeten. Seseorang pemimpin perlu tahu melakukan sesuatu dengan baik atau mempunyai tahap penguasaan terhadap sesuatu ilmu dan kemahiran dalam

bidang-bidang tertentu sebelum mengajar orang lain untuk dapat melakukan sesuatu dengan betul.

Inovasi dalam Pendidikan Teknik dan Vokasional

Evans dan Herr(1978), menyatakan bahawa dalam Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV), terdapat tiga objektif asas pembentukan sistem PTV iaitu, untuk memenuhi kehendak masyarakat terhadap pekerja; meningkatkan sumber-sumber pilihan yang ada dalam mendidik pelajar dan perkhidmatan sebagai medium motivasi yang tinggi untuk memperbaiki pelbagai bentuk pembelajaran.

Mempelajari teori sahaja tidak mencukup untuk seseorang individu itu untuk dapat menjadi kompeten atau mahir dalam hands-on skills. Secara amnya, kebanyakan secara praktikal di alam pekerjaan yang sebenar adalah berbeza daripada teori yang dipelajari. Menurut satu temubual yang diadakan bersama Ketua Jabatan Hospitaliti, Politeknik Pasir Gudang(2009), permintaan industri terhadap tenaga kerja mahir pada masa kini bukan hanya kepada pelajar yang menguasai teori semata-mata, tetapi kepada pelajar yang lebih menguasai praktikal terhadap kerja-kerja tersebut. Ini akan membuatkan seseorang itu akan dilihat sebagai pemimpin apabila dapat membentuk orang-orang yang berkemahiran dalam pekerjaannya.

Untuk menyelaraskan kebolehan pelajar terhadap kehendak industri, satu sistem yang dikenali sebagai *Dual System* telah diperkenalkan dalam PTV. Pada tahun 2005, kerajaan Malaysia telah memperkenalkan *National Dual Training System* (NDTS) ini dalam PTV, yang bertujuan untuk mendedahkan para perintis kepada keadaan sebenar alam pekerjaan dalam industri. Selain daripada menekankan aspek kecekapan dalam kemahiran teknikal, NDTS juga menitikberatkan kecekapan dalam aspek kemanusiaan dan sosial seperti kerjasama, pengendalian diri, memikul tanggungjawab bersama dan kesamaan. Konsep NDTS dalam mempersiapkan individu yang berkemahiran tinggi ialah dengan mendedahkan perintis kepada 70 peratus sehingga 80 peratus latihan perindustrian dilakukan dalam industri itu sendiri manakala 20 peratus sehingga 30 peratus lagi di pelajari melalui latihan dalam institusi tersebut mengikut kurikulum yang telah ditetapkan oleh *National Occupational Core Curriculum* (NOCC).

Melalui pelaksanaan NDTs, jelas sekali bahawa usaha PTV dalam mempersiapkan individu untuk benar-benar berkebolehan dalam aspek kepimpinan dalam alam pekerjaan mereka. Selain itu, mereka juga dapat mempelajari bagaimana untuk munasabah diri apabila berada dalam alam pekerjaan yang sentiasa berhadapan dengan pelbagai tekanan dan tingkah laku yang berbeza-beza. NDTs ini juga bertujuan untuk melatih para perintis cara untuk menyelesaikan setiap kesulitan yang di hadapi dalam pekerjaan mereka.

Pada masa kini, terdapat pelbagai usaha untuk menerapkan subjek-subjek kepimpinan dalam institusi yang menawarkan PTV. Ini menunjukkan bahawa aliran PTV dewasa ini bukan hanya menumpukan kepada satu aspek dalam melahirkan golongan profesional tetapi juga ingin melahirkan golongan profesional yang serba boleh dalam segala aspek seperti kemahiran teknikal, teknologi maklumat dan juga dalam melahirkan pemimpin dari aliran PTV. Sebagai contoh, Universiti Teknologi Malaysia di peringkat Sarjana Pendidikan (Teknik dan Vokasional), menawarkan subjek *Leadership in Technical and Vocational Education*, MPK3073 kepada para pelajar sebagai salah satu subjek elektif fakulti.

Kepimpinan dalam Kerjaya Teknik dan Vokasional

Aliran PTV merupakan satu aliran yang mampu membentuk dan melahirkan golongan-golongan mahir dalam industri. Knut Phillips(1994), dalam sebuah buku yang bertajuk "*Learning to work, working to learn*" mengatakan bahawa latihan vokasional dapat memberi asas kepada generasi muda terhadap kerjaya pada masa depan. Latihan vokasional merupakan satu peringkat latihan yang pertama dalam sesuatu bidang pekerjaan. Pernyataan ini jelas menunjukkan bahawa individu yang terlibat dalam latihan vokasional merupakan seseorang yang mempunyai asas dan pengetahuan yang kukuh dalam menguasai sesuatu bidang pekerjaan tertentu.

Dalam sesuatu organisasi, secara umumnya, individu yang di lantik untuk menjadi pengurus atau menjadi ketua dalam sesuatu bidang kerja merupakan individu yang mempunyai kemahiran yang tinggi dalam sesebuah bidang . Namun begitu, tidak semua individu yang mahir itu mempunyai kebolehan memimpin. Dalam realiti, di sesebuah syarikat, golongan penyelia mungkin beranggapan bahawa individu yang mempunyai kemahiran yang tinggi dalam

kemahiran teknikal mempunyai kelayakan atau kebolehan untuk memimpin dan layak untuk membuat keputusan dalam apa-apa keadaan.

Tidak semua individu yang mempunyai kemahiran atau kelulusan teknikal yang tinggi berjaya memimpin sesebuah organisasi kerana kemahiran memimpin dan kemahiran teknikal tidak harus dilihat sebagai sesuatu yang sama. Ini kerana kemahiran memimpin memerlukan seorang itu harus mempunyai keyakinan diri yang tinggi dan mempunyai pengetahuan yang luas mengenai sesuatu sebelum memutuskan sesuatu.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, PTV pada awal pelaksanaannya adalah lebih fokus kepada pembentukan para pekerja yang mahir dalam bidang teknikal iaitu menumpukan kepada kemahiran tangan (*hands-on skills*). Namun begitu, peredaran masa dan perkembangan teknologi menuntut perubahan demi perubahan yang perlu dilakukan dalam PTV untuk membentuk generasi yang mempunyai pelbagai kebolehan, bukan sahaja dalam kemahiran dan pengetahuan teknikal, tetapi dalam melahirkan pemimpin masa depan yang berintegriti.

Rujukan

A proposal paper by UNESCO and ILO: *Technical and Vocational Training for 21st Century* (2002).

Ahmad, O. (2003). *The role of the National Vocational Training Council in the management of vocational training in Malaysia: A critical evaluation*. Batu Pahat: KUITTHO

Chin, T.(1994). '*Industrial Training in Malaysia – Challenge and Response*'. Editorial, Journal of the Malaysian Institute of Management.

Evans N.R & Herr E.L(1978). *Foundation of Vocational Education Second Ed* .Ohio :Charles E.Merill Publishing Company

Francis Wong H.K. & Ee T.H. (1975). *Education in Malaysia, 2nd. Ed.* Hong Kong: Heinemann Educational Books (Asia) Ltd.

Jon Lauglo, Kevin Lillis (1988), *Vocationalizing Education an International Perspective*, London : Pergamons Books Ltd.

Kirkpatrick, S.A., Locke, E.A. (1991), "Leadership: do traits really matter?", Academy of (Rupert N.Evans, 1978)Management Executive, Vol. 5 pp.48-60.

Knut Phillips(1994). *'How The Dual System Works'*.Learning to work, working to learn. Malaysia : ISIS Malaysia.

Md Yunos, J. et al, 2007. *'Technical & Vocational Education & Training (TVET) from Malaysia Perspective'*. 2nd International TT-TVET EU-Asia-Link Project Meeting, VEDC Malang, Indonesia.

Mok S.S (2009). *Pengurusan Kurikulum. Malaysia* : Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.

Mustapha, K. et al(2003). *'Integrasi Akademik dan Vokasional: Rasional dan Cabaran'*. Jurnal Pendidikan 28 (2003) 77-90.

Patrick Pillai & Ridzwan Othman (1994). *Learning to Work working to learn :Vocational training in Germany and Malaysia*. Malaysia : ISIS Malaysia.

Wan Ahmad, W.S., 2007. *'To Inculcate Training Culture Amongst Malaysian Industry through National Dual Training System (NDTS)'*. <http://www.mohr.gov.my/wanseman.pdf>
Accessed 30 September 2010.

Website : www.unevoc.net/fileadmin/user_upload/.../Handbook_Foreword.pdf